

# 'Saya akan teruskan kerja sosial'

BH 21.10.2012 2

**Kota Kinabalu:** Aktivis masyarakat, Tan Sri Lee Lam Thye menerima Ijazah Kehormat Doktor Falsafah (kerja sosial) Universiti Malaysia Sabah (UMS) sempena Majlis Konvokesyen Ke-14 universiti itu di sini, semalam.

Penganugerahan ijazah itu disempurnakan Yang di-Per-tua Negeri, Tun Juhar Mahiruddin yang juga Canselor UMS.

Ia berikutan komitmen Lam Thye dalam menjayakan pelbagai program kemasyarakatan selama 40 tahun.

Bercakap kepada pemberita selepas menerima ijazah, Lam Thye bangga apabila menerima pengiktirafan tertinggi daripada UMS.

"Saya berterima kasih kepada UMS kerana memberikan pengiktirafan ini yang sememangnya menjadi pembakar semangat untuk terus berjuang dalam bidang kemasyarakatan.

## Sumber inspirasi

"Sebagai aktivis masyarakat, penghormatan ini bukan saja menjadi inspirasi peribadi,

malah kepada masyarakat untuk terbabit dengan aktiviti sukarelawan," katanya.

Beliau yang juga Naib Pengerusi Yayasan Pencegahan Jenayah Malaysia (MCPF) turut berpesan kepada graduan supaya membantu masyarakat melalui aktiviti kesukarelaan, selain menumpukan perhatian terhadap bidang akademik.

"Generasi muda menjadi pemangkin pembangunan modal insan negara kerana mereka yang membentuk sesebuah negara maju.

"Saya mengucapkan tahniah kepada UMS atas pencapaian cemerlang dalam pelbagai bidang sejak ditubuhkan dan diharapkan agar dapat terus melahirkan generasi berilmu tinggi pada masa depan," katanya.

## 24 terima PhD

Sementara itu, Pengerusi RISDA, Tan Sri Abdul Rahim Tamby Chik, antara 24 penerima Ijazah Doktor Falsafah (PhD) dalam konvokesyen kali ini.

Beliau mengambil masa selama empat tahun menyiapkan tesis bertajuk *UMNO dan Persoalan Kepimpinan Politik Dalam Masyarakat Majmuk 1969-1998*.